

Rakyat Malaysia di luar negara sukar diekstradisi

B-11 26/06/09

M/S 7

KERAJAAN tidak dapat mengekstradisi rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara kerana sukar mendapat persetujuan daripada negara berkenaan untuk melepaskan tahanan yang terbabit kes jenayah.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata walaupun Malaysia mempunyai perjanjian ekstradisi dengan beberapa negara, tindakan itu tidak diambil kerana negara berkenaan tidak mahu melepaskan orang yang dituduh melakukan jenayah daripada menjalani proses perundangan dan hukuman di negara mereka.

Katanya, negara asing juga tidak mengganggu Malaysia dan membuat permohonan ekstradisi bagi rakyat mereka yang melakukan kesalahan jenayah di sini.

"Kita boleh mengatur atau menerima permohonan ekstradisi jika ia membabitkan kes yang terlalu besar atau berprofil tinggi," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Beliau mengulas bilangan terkini rakyat Malaysia yang di-

tahan di negara asing atas pelbagai kesalahan jenayah, serta adakah usaha kerajaan untuk membawa balik tahanan berkenaan bagi memastikan mereka mendapat menjalani proses perundangan yang sewajarnya.

Rais berkata, hingga kini 724 rakyat Malaysia ditahan di luar negara yang mana 239 daripadanya adalah berkaitan kes pengedaran dan penyeludupan dadah, sementara bakinya membabitkan kes imigresen seperti pemalsuan pasport dan penipuan kad kredit.

Bagaimanapun, katanya, tiada rakyat Malaysia yang ditahan atas kesalahan jenayah seperti kes bunuh, rompakan dan kecurian.

Rakyat Malaysia ditahan di beberapa negara termasuk Brunei, Kemboja, China, Jepun, Indonesia, Singapura, Thailand, Brazil, Peru, Argentina, Venezuela, Trinidad & Tobago, Myanmar, Taiwan, Itali, Jerman, Perancis, Malta, Sepanyol dan Australia.

Rais berkata, langkah pencegahan akan ditingkatkan menerusi beberapa rancangan yang diatur bagi mengekang peningkatan statistik rakyat Malaysia yang ditahan atas kesalahan jenayah di luar negara.

"Perkara ini tidak boleh diserahkan kepada Kementerian Luar semata-mata, sebaliknya kerjasama perlu diselaraskan dengan pelbagai pihak lain seperti Jabatan Narkotik, ibu bapa dan majikan.

"Kami (Kementerian Luar) hanya dimaklumkan selepas tahanan berkenaan merengkok di penjara luar negara, dan peranan kementerian pula terhad kerana kita tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal perundangan negara asing," katanya.

“*Kita boleh mengatur atau menerima permohonan ekstradisi jika ia membabitkan kes yang terlalu besar atau berprofil tinggi”*

Rais Yatim
Menteri Luar